

Akulturası agama dan budaya dalam ritual huma suku Ketungau Sesat di Kalimantan Barat (Indonesia)

Hendrikus Mangku¹, James T. Collins², Chong Shin³

¹ Institut Teknologi Keling Kumang

² Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia

³ Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Chong Shin (email: chongshin@ukm.edu.my)

Received: 30 October 2023; Accepted: 30 August 2024; Published: 29 November 2024

Abstrak

Suku Ketungau Sesat merupakan salah satu suku yang mendiami lembah Sekadau, Kalimantan Barat (Indonesia). Sebelum memeluk agama Katolik, pada amnya mereka sama dengan masyarakat peribumi lainnya di Kalimantan Barat iaitu mengamalkan kepercayaan tradisional animisme. Namun, sejak pengenalan agama Katolik di perkampungan masyarakat Ketungau Sesat lebih kurang 70 tahun yang lalu, mereka meninggalkan kepercayaan animisme dan memilih memeluk agama Katolik. Oleh kerana agama ini terbuka terhadap pelbagai budaya dan berusaha mengakulturası dengan budaya tempatan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan sejauh manakah pihak gereja Katolik telah berjaya mengakulturası budaya Ketungau Sesat ?. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dalam mengumpul data, iaitu melalui kaedah temu bual dengan informan utama dan pemerhatian ikut serta, berfokus kepada ritual-ritual dalam pertanian padi. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Ketungau Sesat masih mengamalkan ritual-ritual tradisi yang berkaitan pertanian huma, tetapi pada masa yang sama, sudah terakulturası dengan agama Katolik. Aspek-aspek lain yang diakulturası sehingga menyaksikan satu budaya baharu juga disaksikan dalam amalan tradisional seperti berdoa dan *bedarok* di salib pelindung kampung pada hari *Gawai*. Secara kesimpulan, asimilasi budaya dan agama masih bersifat dinamis dan pola perubahan ini kini terus berlaku dalam masyarakat yang dikaji ini.

Kata kunci: Akulturası, budaya, Ketungau Sesat, ritual pertanian, Sekadau

Religious and cultural acculturation in the rice field rituals of the Ketungau Sesat community in West Kalimantan (Indonesia)

Abstract

The Ketungau Sesat community is one of the ethnic groups inhabiting the Sekadau Valley in West Kalimantan, Indonesia. Before adopting Catholicism, like many other ethnic groups in the region, they practiced traditional animist beliefs. However, since the arrival of Catholicism approximately 70 years ago, they have abandoned these animist practices and embraced the new religion.

Catholicism is open to diverse cultures and seeks to integrate with local traditions. This study seeks to answer the question: Has the Catholic Church succeeded in integrating with Ketungau Sesat culture? This research uses a qualitative methodology, collecting data through interviews with key informants and participant observation, with a particular focus on rice farming rituals. The results show that the Ketungau Sesat still observe agricultural rituals, but these have been adapted to align with Catholic practices. Other examples of cultural integration can be seen in traditional practices, such as praying and performing the bedarok ritual at the village's protective cross during Gawai Day. In conclusion, the assimilation of culture and religion remains dynamic, and this pattern of change continues within the society studied.

Keywords: Acculturation, culture, Ketungau Sesat, agricultural rituals, Sekadau

Pengenalan

Pulau Borneo memiliki sejarah yang panjang dalam peradaban di Nusantara (Hall, 1971; Harrison, 1986). Pulau terbesar ketiga di dunia ini memiliki berbagai budaya dan bahasa. Kepelbagaian sosiobudaya ini sangat nyata di bahagian barat daya Pulau Borneo, iaitu Kalimantan Barat, salah satu provinsi di Indonesia. Penduduk di Pulau Borneo dilaporkan telah melakukan amalan pemburuan di hutan dan dianggarkan mulai bercucuk tanam tanaman padi pada 2500 tahun sebelum Masihi (Bellwood, 2007; Hermansyah, 2010). Pada hari ini, amalan bercucuk tanam padi masih dilakukan oleh sebahagian masyarakat di Kalimantan Barat. Dari segi kepercayaan, masyarakat di Kalimantan Barat dahulu menganut kepercayaan animisme secara turun-temurun dan kepercayaan ini masih kuat mempengaruhi kehidupan mereka sehingga ke hari ini. Contohnya masyarakat Ketungau Sesat di Sekadau, Kalimantan Barat. Suku minoriti yang tinggal di lembah Sekadau, kira-kira 300 kilometer dari bandar Pontianak. Majoriti komuniti Ketungau Sesat kini adalah penganut agama Katolik. Antara contoh kampung-kampung Ketungau Sesat adalah seperti Desa Tinting Boyok, Gonis Tekam, Ensalang, Selalong, Bokak Sebumbun dan sebagainya. Dari segi taburan mengikut kawasan pentadbiran, suku Ketungau Sesat kebanyakannya menetap di Kecamatan Sekadau Hulu dan Kecamatan Sekadau Hilir. Berdasarkan data yang diperoleh daripada Satu Data Sekadau (2023), jumlah penduduk yang beragama Katolik di kedua-dua kecamatan ini adalah seramai 45,821 orang. Boleh ditafsirkan bahawa masyarakat Ketungau Sesat yang tersebar di kawasan ini majoritinya beragama Katolik. Walaupun beragama Katolik, kepercayaan tradisional masih tetap diamalkan oleh mereka, terutamanya dalam ritual-ritual huma.

Di Kalimantan Barat, terdapat dua agama yang utama, iaitu agama Islam dan agama Kristian (Katolik dan Protestan). Proses Islamisasi di Kalimantan Barat berlaku sejak abad ke-15 (Hermansyah, 2015). Penyebaran agama Islam bermula dari pesisir pantai, kemudian tersebar ke kawasan-kawasan di pedalaman hulu sungai, termasuk hulu Sungai Kapuas. Penduduk peribumi yang memeluk agama Islam disebut dengan istilah “turun Melayu” atau “*Senganan*” (King, 1993; Yusriadi, 2014). Pengislaman di pedalaman Kalimantan Barat terjadi di muara-muara sungai dan di sepanjang tebing Sungai Kapuas dan cabang-cabangnya. Namun demikian, bukan kesemua penduduk peribumi di lembah Sungai Kapuas memeluk agama Islam. Umpamanya, masyarakat Ketungau Sesat yang dikaji dalam kajian ini yang menempati kawasan lembah Sekadau didapati masih mengamalkan kepercayaan animisme.

Penduduk peribumi di kawasan pedalaman yang tidak beragama Islam dilabelkan sebagai suku “Dayak” dan mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme (Dijker, 1974; Boom,

1974). Kebanyakan penduduk Dayak masih mengamalkan animisme dapat diterangkan dengan konsep yang diutarakan oleh Venz (2017), iaitu “*Animism, often framed as ‘eco-cosmologies,’ came to be seen as the very antithesis of and the antidote to naturalism.*” Seperti yang diketahui, suku Dayak merupakan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman dan amalan hidup mereka secara turun temurun bergantung erat pada ekologi semula jadi. Amalan-amalan tradisi masih dipertahankan walaupun selepas mereka menganut agama Kristian. Kepercayaan ini tetap tidak ditinggalkan oleh mereka kerana menurut Thomson (2000: 1) “*Christian theology and practice, as it has been presented to Dayaks, does not sufficiently take into account their background, worldview, and conceptions of the function of religion.*”.

Lebih kurang 400 tahun selepas agama Islam tiba di Kalimantan Barat, sekitar tahun 1885, agama Katolik mula diperkenalkan di kawasan tersebut. Penyebaran agama Katolik bermula di pesisir pantai barat, terutamanya di kawasan Singkawang dan Pontianak. Kawasan persebaran agama Katolik mula-mulanya tersebar di kawasan pesisir pantai kerana bandar utama di Kalimantan Barat terletak berhampiran kawasan pesisir, iaitu Pontianak dan Singkawang. Kawasan ini merupakan tempat tumpuan penduduk, baik suku Melayu, Dayak mahupun Cina. Sebagai contoh, Vriens (1972) mencatatkan bahawa pada mulanya, seorang paderi dari Jakarta telah berlayar ke Singkawang untuk menyebarkan agama Katolik. Bagi kawasan pedalaman Kalimantan Barat, para paderi mula menyebarkan agama Katolik di Sejiram¹ yang terletak di hulu Sungai Kapuas (kira-kira 500 kilometer dari bandar Pontianak) kerana pada ketika itu daerah Sejiram belum ramai penduduk peribumi yang ada kepercayaan agama (Vriens, 1972). Bagi lembah Sekadau yang dihuni oleh suku Ketungau Sesat, penduduk di kawasan ini baru mulai memeluk agama Katolik pada pertengahan abad ke-20.

Walaupun agama Katolik agak lambat diperkenalkan kepada penduduk peribumi yang tinggal di lembah Sekadau, mereka didapati cepat menerimanya kerana faktor daripada segi sikap pemimpin agama Katolik yang tidak melarang langsung mereka mengamalkan ritual-ritual tradisional yang berbentuk animisme. Gereja Katolik didapati berusaha menyerap berbagai ritual budaya tradisi masyarakat, iaitu melalui akulturasi budaya. Kajian ini akan menyoroti sejauh manakah akulturasi budaya berlaku dalam kalangan suku Ketungau Sesat dengan berfokus kepada akulturasi budaya dalam ritual pertanian huma.

Bidang akulturasi budaya banyak dikaji oleh para sarjana. Contohnya Zuliskandar et al. (2011) menulis tentang proses akulturasi budaya India dan transformasi ilmu masyarakat Melayu Kedah Tua. Di Kalimantan Barat, kajian pengaruh keagamaan dan budaya juga pernah dilakukan oleh Jasmin (2011) ke atas agama orang Mualang, salah satu rumpun Ibanik di Kalimantan Barat. Dalam kajian beliau, aspek yang berfokus ialah *inkulturasi*.²


Kajian Jasmin (2011) tidak secara khususnya membahaskan tentang akulturasi, namun laporannya menyatakan bahawa dalam masyarakat Mualang, amalan agama dan budaya bersilih ganti. Umpamanya dalam beberapa ritual pertanian huma, kematian dan lain-lain didahului dengan ritual doa Katolik, kemudian diikuti dengan ritual adat yang dinamakan sebagai “*bedarak*”. *Bedarak* sebagai ungkapan penghormatan kepada *petara*, *puyang gana*, hantu penguasa suatu kawasan dan roh leluhur dengan cara menyediakan sesajen dan melafazkan mantera yang dipimpin oleh pawang adat (lihat Hendrikus et al., 2023a).

Ritual dan amalan ini juga diamalkan oleh masyarakat Ketungau Sesat di Kampung Belandung yang beragama Katolik. Dalam erti kata lain, majoriti masyarakat Ketungau Sesat di Kampung Belandung menunjukkan persamaan dengan suku Mualang, iaitu menganut agama Katolik dan pada masa yang sama mengamalkan kepercayaan tradisional. Setakat ini belum ada kajian yang membahaskan tentang akulturasi budaya dalam masyarakat Ketungau Sesat. Kajian

ini merupakan suatu kajian perintis yang membincangkan akulturasi agama dan budaya dalam masyarakat Ketungau Sesat dengan memberi tumpuan kepada kesan pengaruh agama Katolik ke atas amalan pertanian padi huma.

Pendekatan kajian

Akulturasi merupakan suatu proses perubahan budaya melalui pertemuan sekurang-kurangnya dua budaya yang berbeza (Berry, 2017). Pertemuan dua atau lebih budaya yang berbeza ini biasanya memakan masa yang agak lama. Perubahan ini boleh membawa kepada penghasilan budaya baru (Berry, 1980). Rajah 1 berikut menggambarkan konsep akulturasi budaya yang membawa kepada perubahan budaya.



Source: Berry, 2017

Rajah 1. Proses pertemuan dua budaya yang berbeza

Menurut Berry (1980), terdapat empat strategi akulturasi iaitu 1) pemisahan (*rejection/separation*) yang bermaksud menolak budaya luar yang hadir dan mengekalkan budaya yang asal sehingga membentuk enklaf; 2) integrasi (*integration*) berlaku apabila seseorang tetap mengekalkan budaya asal namun berinteraksi dengan budaya luar; 3) asimilasi (*assimilation*) ialah menerima budaya dari luar dan mulai meninggalkan budaya asalnya; dan, 4) peminggiran (*marginalization*) iaitu sikap penolakan terhadap budaya asli dan budaya yang datang.

Sorotan kajian lepas

Kajian tentang ritual pertanian di Alam Melayu telah dijalankan sejak sekian lama. Sebagai contoh, di Semenanjung Malaysia, buku karya Skeat (1900) merupakan sebuah rujukan yang agak komprehensif dalam mendokumentasikan ritual-ritual pertanian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa lampau. Kajian lanjutan telah dilakukan oleh ramai sarjana, baik dari luar

negara mahupun penulis tempatan, sehingga penghujung abad ke-20. Dalam konteks masyarakat petani di Semenanjung, Winstedt (1929:444) melaporkan bahawa penuaian padi pertama dimulakan dengan doa yang dipimpin oleh seorang imam. Kajian Haron (1996) turut mendapati amalan serupa, di mana petani-petani akan memohon izin daripada penunggu di huma dengan membaca mantera.


Namun demikian, kini aktiviti huma padi bukit sudah tiada lagi di Semenanjung. Susulan daripada itu, amalan ini juga telah lenyap. Dalam kajian Amat (1990), dinyatakan bahawa masyarakat Melayu telah meninggalkan kepercayaan lama ini dalam kajian beliau yang dilakukan pada tahun 1973. Pada masa beliau mengunjungi semula kampung-kampung yang dikaji pada tahun 1988, beliau bertemu kembali dengan informan lama dan mereka menyatakan bahawa amalan ritual pertanian hanya tinggal sejarah. Kanak-kanak muda tidak percaya dengan hal tersebut, malah menganggapnya dongeng yang tidak masuk akal.

Di Sarawak, ritual pertanian huma masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Iban. Laporan tentang amalan ritual huma masyarakat Iban telah banyak dilakukan oleh para sarjana, di antaranya ialah kajian Freeman (1955) yang melaporkan secara terperinci tahapan dalam kitaran huma padi bukit Iban dan ritual-ritual yang terlibat. Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Sandin (1967) tentang *Puyang Gana* yang dianggap sebagai pendiri pertanian Iban. Peter (1970) pula menulis tentang ritual "*Gawai Ngemali Umai*," yang merupakan tradisi masyarakat Iban untuk melindungi tanaman padi yang ditanam di huma agar terhindar daripada penyakit dan dilakukan pada masa menyang huma. Begitu juga dengan kajian Sather (1977) yang mengisahkan tentang ritual sebelum menuai dalam bahasa Iban, "*nanchang*". Kajian terbaru yang dilakukan oleh Remmy et al. (2017) pula menyatakan bahawa penanaman padi dalam masyarakat Iban masih dijalankan, namun kepercayaan dan nilai-nilai dalam penanaman padi semakin luntur akibat faktor kemodenan.

Kajian lepas tentang amalan ritual huma di Kalimantan Barat pernah diusahakan oleh Derani (2007) tentang "*pemali burung*" suku Benawas dan Sekujam. Selain itu Derani (2009) juga menulis tentang kitaran pertanian padi bukit suku Benawas. Bagi masyarakat Ketungau Sesat di Kalimantan Barat, didapati bahawa tiada tulisan mengenal amalan ritual ini. Sesungguhnya, keberadaan suku Ketungau Sesat di lembah Sekadau telah lama dilaporkan oleh Enthoven dalam terbitannya pada 1903. Suku Ketungau Sesat direkodkan merupakan suku terbesar masa itu, dengan jumlah lebih kurang 2,500 orang atau 30% penduduk di lembah Sekadau pada masa itu. Lebih kurang seratus tahun kemudian, buku Alloy et al. (2008) menyatakan jumlah masyarakat Ketungau Sesat diperkirakan 28,000 orang dan tersebar di 48 kampung di wilayah Sekadau. Jika dibandingkan, jumlah suku Ketungau Sesat telah bertambah sepuluh kali lebih banyak dari laporan Enthoven (1903). Kedua-dua kajian tersebut juga menyatakan bahawa jumlah masyarakat Ketungau Sesat dominan dibandingkan dengan jumlah suku lain di lembah Sekadau. Berdasarkan kajian lepas di atas, dapat dirumuskan bahawa kajian tentang ritual pertanian huma telah banyak dilakukan ke atas masyarakat peribumi lain di Alam Melayu. Begitu juga dengan kajian bidang lain tentang suku Ketungau Sesat, seperti aspek bahasa. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Collins (2021) tentang bahasa dan keberagaman dialek Ketungau Sesat. Belum ada kajian yang terperinci dan mendalam tentang agama dan budaya untuk suku ini. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan berfokus kepada aspek akulturasi agama dan budaya suku Ketungau Sesat dengan menjawab persoalan adakah agama Katolik yang baru diperkenalkan kepada mereka sejak 70 tahun yang lalu berpengaruh kepada aspek amalan ritual pertanian huma?

Suku Ketungau Sesat

Masyarakat Ketungau Sesat hidup di tengah masyarakat yang multilingual di lembah Sekadau (Chong, 2007). Di lembah ini dan kawasan sekitarnya, terdapat beberapa suku lain yang telah dikenal pasti, di antaranya seperti suku Sawai (Sawe), Kerabat, Benawas, Taman, Jawan, Kanciang, Mentuka', Mongko, Koman, Menterap, Melayu, Cina dan sebagainya³. Lokasi persebaran suku Ketungau Sesat di lembah Sekadau adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2. Lokasi kajian Kampung Belandung

Penamaan suku Ketungau Sesat dapat diperjelaskan dengan menggunakan mitos rakyat mereka.⁴ Terdapat beberapa variasi penamaan mengikut sebutan, misalnya Ketungau, Ketungau Sesaek dan Ketungau Tesaek. Kata “Sesaek”, “Tesaek” sepadan dengan “Sesat”. Dalam kehidupan seharian, mereka memperkenalkan diri sebagai orang Ketungau atau Ketungau Sesaek. Penambahan kata “Sesaek” bertujuan untuk membezakan mereka dari orang Ketungau yang tinggal di lembah Sungai Ketungau, Kabupaten Sintang. Dalam bidang dialektologi, bahasa Ibanik Ketungau di Sungai Ketungau dan bahasa Ketungau Sesat adalah berbeza, misalnya dari segi inovasi bunyi purba *an, *aŋ (Collins & Herpanus, 2018; Tjia, 2007; Chong, 2002, 2015, 2021). Menurut cerita lisan, suku Ketungau Sesat berasal dari Sungai Ketungau di kabupaten Sintang. Menurut Collins (2004, 2021) berdasarkan tradisi lisan yang turun-temurun daripada nenek moyang, mereka mengatakan bahawa semasa berpindah dari Sungai Ketungau, mereka belayar terlalu jauh ke hilir dan memilih cabang sungai yang salah sehingga tersesat. Pada hakikatnya, tiada maklumat yang pasti tentang asal usul masyarakat Ketungau Sesat. Namun berdasarkan sastera lisan, mereka memiliki kesamaan dengan kelompok Ibanik lain iaitu berasal dari Labai Lawai (Dunselman, 1955; Hendrikus et al., 2023c). Dari segi ekonomi, Collins (2021) menyatakan bahawa masyarakat Ketungau Sesat pada umumnya sama dengan penduduk tempatan lain iaitu

berhuma untuk menanam padi. Namun pada abad ke-21 perkebunan kelapa sawit mula diperkenalkan ke daerah mereka. Perubahan ekonomi ini telah dilaporkan oleh Hendrikus et al. (2023b) yang menyatakan bahawa mereka masih berhuma hingga ke hari ini namun sudah mulai beralih fungsi iaitu setelah berhuma, mereka akan menanam kelapa sawit di bekas huma tersebut. Selain transformasi ekonomi pertanian, masyarakat Ketungau Sesat sekarang juga banyak yang bekerja di sektor-sektor lain seperti menjadi kaki tangan kerajaan, cikgu dan sebagainya.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data-data dalam kajian didapati melalui temu bual dan pemerhatian ikut serta. Amalan pemerhatian ikut serta sering dilakukan oleh ramai sarjana dalam kajian sains sosial (Chong, 2018). Dengan pemerhatian ikut serta ini, peneliti terlibat secara langsung sebagai peserta dalam aktiviti ritual huma masyarakat Ketungau Sesat. Peneliti akan bertanya soalan kepada informan dan meminta mereka menjelaskan secara terperinci apabila terdapat keraguan ataupun sesuatu yang tidak difahami. Hal ini menambah kesahihan data yang diperoleh kerana berdasarkan pengalaman peneliti sendiri. Semasa mengikuti ritual huma peneliti merakam mantera dalam ritual tersebut dan mencatat bahan-bahan yang diperlukan dalam catatan harian dan telefon bimbit. Untuk menambah maklumat tentang budaya dan ritual masyarakat Ketungau Sesat, peneliti bertemu bual dengan informan utama yang terdiri daripada seorang pengurus adat atau pawang adat yang biasanya memimpin ritual. Dari segi definisi disiplin antropologi, informan utama didefinisikan sebagai seseorang yang arif dengan pengetahuan etnografi tentang pola sosial dan budaya masyarakat mereka. Informan utama dapat memberi banyak maklumat implisit dan berguna yang tidak terdapat dalam sumber sekunder. Mereka juga dapat membekalkan perspektif pemahaman yang luas dan komparatif tentang sesuatu isu ataupun persoalan yang dikaji (Pahwa et al., 2023). Jadual 1 merupakan senarai semak tentang kesahihan data dari segi kualiti informan utama yang dipilih.

Jadual 1. Senarai semak penilaian kualiti informan utama

Kriteria	Kualiti kelayakan informan utama
Peranan dalam komuniti: Berkedudukan unik dalam masyarakat	✓ Pawang adat ini berwibawa dalam hal-hal berkaitan dengan ritual tradisi suku Ketungau Sesat.
Pengetahuan: Mampu mensintesis secara bermakna pengalaman dan pengetahuan mereka	✓ Pawang sangat arif dari segi ritual-ritual pengamalan adat tradisi. ✓ Setiap pertanyaan yang ditanyakan, akan dihuraikan secara terperinci oleh beliau berdasarkan pengetahuan.
Kesanggupan terlibat / membantu kajian ini	✓ Oleh kerana pengkaji (penulis utama) merupakan penduduk Sekadau, bertugas di Institut Teknologi Keling Kumang dan berstatus mahasiswa serta minat mendalam terhadap aspek budaya, pawang sangat sudi bekerjasama dan berkongsi pengetahuan dengan pengkaji ketika kajian lapangan dijalankan.
Tidak bias	✓ Sesi kajian ini dikecualikan daripada unsur-unsur bias kerana dari segi afiliasi etnik, penulis utama dan pawang menuturkan rumpun bahasa yang sama, iaitu bahasa Ibanik (variasi-variasi bahasa yang mirip dengan bahasa Iban). Perasaan “kekitaan” ada pada diri masing-masing sehingga pawang sudi berkongsi maklumat etnografi dengan penulis utama.

Sumber: diadaptasi dari Pahwa et al., 2023

Menurut adat, mantera ritual tidak boleh dilafazkan apabila tidak ada ritual. Oleh itu, semasa pengumpulan data di Kampung Belandung, masa yang diperuntukkan untuk mendapatkan data yang lengkap adalah lebih kurang satu tahun. Dalam erti kata lain, selama satu kitaran pertanian huma. Salah seorang peneliti telah melakukan tiga kali kunjungan ke Kampung Belandung yang terletak kira-kira 20 kilometer dari pekan Sekadau. Oleh kerana pengkaji tidak tinggal di Kampung Belandung, maka perakaman ritual pertanian dan transkripsi data dibantu oleh dua orang pelajar prasiswazah Institut Teknologi Keling Kumang yang berasal dari Kampung Belandung. Sebelum mereka ditugaskan untuk membantu kajian lapangan, mereka telah diberi taklimat tentang tatacara merakam selama proses ritual berhuma. Data-data yang diperoleh dari lapangan akan disaring dan dianalisis secara kualitatif.

Dapatan kajian

Akulturasinya agama katolik dan budaya

Dalam sebuah karya yang menulis tentang sejarah gereja di wilayah Ketapang, Boom (1974) menyatakan bahawa pada masa awal penyebaran agama Katolik di Kalimantan Barat, terdapat saranan amalan-amalan adat yang bertentangan dengan ajaran Katolik diberhentikan. Namun demikian, pemimpin gereja di keuskupan Ketapang berusaha memasukkan unsur adat dan budaya ke dalam upacara gereja sesuai dengan panduan yang disetujui dalam Konferensi Pimpinan Gereja se-Indonesia. Pada masa itu penganut agama Katolik masih tetap mengamalkan budaya tradisi mereka yang telah diwarisi sejak turun-temurun dan skop para mubaligh barat tertumpu pada usaha pengkristianan. Dengan keterbukaan agama ini terhadap berbagai budaya tradisi masyarakat, ini telah mendorong agama ini diterima oleh sebahagian masyarakat di pedalaman Kalimantan. Contohnya, kajian Jasmin (2011) menunjukkan bahawa pihak gereja tidak melarang langsung orang Mualang mengamalkan ritual-ritual yang berunsur magis.

Dalam proses akulturasinya agama dan budaya, tiada peranan khusus yang dimainkan oleh para paderi. Mereka hanya berperanan sebagai “penasihat” kepada penganut agama Katolik supaya lebih bijak dalam mengamalkan agama dan budaya. Sebagai contoh, meskipun pihak gereja tidak menggalakkan ritual tradisi diamalkan untuk pertanian huma, gereja ada menyediakan doa untuk kegiatan perladangan dan juga ritual-ritual lain (Coomans, 1986). Doa-doa tersebut dilafazkan dalam bahasa Indonesia kerana belum ada usaha dilakukan oleh pihak gereja untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Ketungau Sesat. Ini kerana masyarakat Ketungau Sesat merupakan suku minoriti dan penterjemahan kitab-kitab Injil ke dalam bahasa minoriti dianggap tidak ekonomik dari segi kos dan usaha penterjemahan. Berbeza dengan di negeri Sarawak, terdapat kitab-kitab dan doa-doa dalam gereja Katolik yang diterjemahkan ke dalam bahasa Iban (Collins, 2021).

Kebudayaan Ketungau Sesat berhubung dengan ritual huma

Dalam budaya Ketungau Sesat terdapat pelbagai ritual berkaitan dengan pertanian padi huma. Ritual-ritual ini diamalkan bermula dari tahap pembukaan ladang, menanam, menuai hingga adat kesyukuran ke atas hasil tuaian. Dalam setiap ritual, terdapat mantera yang dilafazkan oleh pawang adat. Ritual pertanian ini terbahagi kepada tujuh aktiviti iaitu:

i) Mangol

Sebelum membuka ladang huma, pada amnya masyarakat di Kalimantan Barat akan memeriksa kawasan yang digunakan untuk berhuma. Dalam bahasa Ketungau Sesat, cara ini disebut sebagai *mangol*. *Mangol* dilakukan selepas upacara memindah atau “mengambil semangat padi”. Dahulu *mangol* dilakukan dengan memerhatikan bunyi burung dan haiwan untuk mengetahui sama ada tapak tersebut sesuai untuk bercucuk tanam ataupun sebaliknya. Adat ini juga diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak dan pernah dicatatkan dalam kajian Freeman (1961, 1970) dan Sandin (1980). Selain itu, pada waktu *mangol*, penduduk akan mengamati tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di persekitaran tapak berhuma untuk mengetahui tahap kesuburan tanah (Herpanus, 2014). Semasa *mangol*, mereka memacak parang di atas tanah dan apabila didapati ada tanah yang melekat di hujung parang, ini bermakna bahawa tanah tersebut subur. Di samping itu, fungsi memacak hujung bilah parang juga bertujuan untuk “bertanya kepada makhluk ghaib” tentang tahap kesuburan tanah. Ketika *mangol* terjumpa dengan lebah (*muanyik*), ular dan haiwan lain, penduduk akan melaksanakan satu ritual yang dinamakan sebagai *bedarok*⁵ supaya huma akan membuahkan hasil yang banyak dan juga bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat kepada binatang di tapak tersebut. Upacara memberi penghormatan terhadap binatang pernah dilaporkan oleh Collins (1992) dalam kalangan petani di Pulau Tioman. Setelah penduduk Kampung Belandung memeluk agama Katolik, didapati bahawa amalan ritual *mangol* mulai berubah dengan membaca berdoa mengikut agama Katolik. Perubahan ini merupakan contoh berlakunya akulturasi antara agama dan budaya mereka.

ii) Nugal

Nugal ialah aktiviti menanam benih padi di huma. Aktiviti ini dilakukan pada bulan Ogos hingga awal Oktober. Aktiviti ini dijalankan secara gotong-royong oleh masyarakat. Terdapat pembahagian tugas mengikut jantina. Kaum lelaki akan bertugas untuk menugal manakala kaum wanita akan memasukkan biji benih padi ke dalam lubang tugal. Sebelum menugal masyarakat Ketungau Sesat secara amnya melaksanakan ritual *bedarok* dan berdoa secara Katolik di tempat *mangol*⁶ tersebut. Di tempat ini, ancak (talam daripada anyaman, yang dijadikan sebagai tempat menyajikan barang-barang untuk makhluk ghaib) dan salib akan dipasangkan. Terdapat beberapa ritual yang diamalkan sebelum aktiviti menugal iaitu: menyiapkan bahan → mengebas benih menggunakan ayam → menjamu benih → berdoa. Bahan-bahan yang diperlukan untuk ritual ini ialah ayam, tuak, benih dan lainnya. Setelah menjamu benih, akan disusuli dengan bacaan doa mengikut agama Katolik dan segmen ini dipimpin oleh seorang peserta dan bukan oleh pawang adat⁷.

iii) Ngudaeh Umo

Ngudaeh umo merupakan ritual yang dilakukan setelah padi telah tumbuh lebih kurang dua bulan. Rakaman ke atas ritual *ngudaeh umo* telah dilakukan pada 30 Oktober 2022, ketika ianya dikendalikan oleh seorang pawang yang berumur 80 tahun. *Ngudaeh umo* bertujuan supaya huma terhindar daripada hama dan penyakit serta tumbuh dengan subur sehingga mendapatkan hasil yang berlimpah. Bahan-bahan yang digunakan ialah seekor ayam, sebiji telur rebus, semangkuk beras, sebotol tuak, garam, *lulun*⁸ lemas secukupnya dan sebatang paku. Sejak penduduk memeluk agama Katolik, ritual *ngudaeh umo* dikendalikan serentak dengan kaedah tradisi dan

mengikuti keagamaan, iaitu 1) *ngebao umo* (mengebas huma) menggunakan ayam, 2) berdoa *umo* mengikuti agama Katolik, 3) *bedarok*, dan 4) *ngunsai entukan* (menaburkan bulu ayam dan kulit pembungkus lemang) sambil melafazkan mantera.

iv) Meribo Umo

Meribu umo dilakukan setelah *ngemabo* atau membersihkan rumput di huma. Proses pembersihan rumput dilakukan dengan cara mencabut atau menggunakan tajak. Namun kini masyarakat Ketungau Sesat lebih cenderung membersihkan rumput dengan cara menyembur racun rumput. Oleh kerana semasa aktiviti membersihkan rumput terdapat kemungkinan kaki akan terpijak pada pokok padi atau terkena tajak, maka perlu diadakan ritual *meribo umo* supaya tiada perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dalam erti kata lain, upacara *meribo umo* dilakukan dengan tujuan memujuk semangat padi yang misalnya “telah terkena racun” atau terpijak. Ketika mengadakan ritual ini, semasa pemilik huma, pawang adat dan peserta lain tiba di huma, mereka akan menuju ke salib huma. Aktiviti *meribo umo* lebih kurang sama dengan ritual *ngudeh umo*, tetapi tidak disertakan dengan doa yang mengikuti agama Katolik. Dalam ritual ini, ayam yang dibawa dari rumah akan disembelih di tempat salib dipacak; kemudian pawang akan mengayun-hayun ayam tersebut sambil melafazkan mantera *bedarok*. Setelah ritual ini diadakan, pemilik huma dilarang datang ke huma selama tiga hari.

v) Matah

Matah merupakan ritual yang diadakan untuk menuai padi yang mula-mula sekali masak (atau “untuk mengambil semangat padi”). Terdapat beberapa bahan yang diperlukan untuk mengadakan ritual ini, iaitu pinang, kapur, sirih dan gambir. Pemilik huma akan mengunyah pinang, sirih dan gambir kemudian disemburkan ke tangkai padi sambil melafazkan mantera. Semasa *matah*, pemilik huma juga akan menyalakan api di pinggir kawasan huma tersebut. Masyarakat Ketungau Sesat percaya bahawa padi akan “mengetahui tuannya datang” kalau api dinyalakan di pinggir huma. Kemudian, pemilik huma akan memetik beberapa tangkai padi dengan tangan dan dilarang menggunakan pengetam kerana mereka percaya bahawa semangat padi “akan berasa takut apabila melihat” mata bilah pengetam⁹. Tangkai padi yang dipetik ini dipercayai merupakan “semangat padi” dan kepercayaan ini juga dipercayai oleh masyarakat Iban (Sather, 1977) dan masyarakat Melayu zaman dulu di Negeri Sembilan (Kato, 1988). Padi yang dipetik kemudian akan disimpan di kepuk¹⁰ dan benih ini akan dijadikan benih yang akan ditanam pada tahun berikutnya. Setelah ritual *matah*, penduduk boleh mengetam padi pada hari tersebut. Namun, setelah itu, mereka harus mengikuti pantang larang yang ditetapkan, iaitu tidak boleh mengetam selama tiga hari, bermula pada hari berikutnya.

vi) Nyemaru

Nyemaru ialah ritual makan padi baharu. Setelah menuai, masyarakat Ketungau Sesat akan menggunakan beras tersebut untuk membuat emping untuk merayakan hasil padi yang dituai. *Nyemaru* akan disambut di rumah masing-masing dan pemilik huma akan mengundang masyarakat kampung ke rumahnya untuk memakan nasi baharu, termasuk makan emping dan meminum tuak. Dalam *nyemaru*, terdapat ritual “jatuh tanah” dengan bahan nasi, daging ayam dan tuak. Pawang adat akan melafazkan mantera sambil membuang bahan nasi ke atas tanah dari

rumah pemilik huma. Ritual ini kemudian diteruskan dengan bacaan doa makan mengikut agama Katolik.

vii) Gawai

Gawai merupakan pesta yang diadakan sebagai tanda berasa syukur ke atas hasil penuaian padi dan biasanya diadakan pada bulan Mei hingga Julai (Vinson et al., 2001). Pada kelazimannya, *Gawai* akan disertakan dengan acara perkahwinan (Drake, 2000). Di Kampung Belandung, terdapat pelbagai ritual dalam *Gawai*, misalnya ritual “memindah semangat padi”, “menjamu benih” dan berdoa di salib pelindung kampung. Ritual “memindah semangat padi” sebenarnya dilakukan setelah selesai menuai dengan membawa beberapa batang padi ke kepuk. Namun sekarang ritual ini dilakukan sekali dengan ritual menjamu benih di kepuk atau di rumah. Pesta *Gawai* akan diadakan di *Seteleng* (setaraf dengan balai raya di Malaysia). Ritual *bedarok* pada amnya dilakukan bersama-sama di *Seteleng* dengan dipimpin oleh pawang adat. Dalam rangkaian ritual *Gawai*, ada masyarakat yang berdoa dan *bedarok* di salib pelindung kampung yang dipasang di jalan masuk ke kampung. Melalui pemerhatian di lapangan, sembahyang di gereja tidak dijalankan.

Perbincangan


Daripada huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya tujuh peringkat dalam kitaran pertanian huma dalam masyarakat Ketungau Sesat. Dalam setiap peringkat ini, budaya Ketungau Sesat dan agama Katolik diamalkan secara bersilih ganti. Jadual 2 merupakan inventori terhadap pengamalan budaya tempatan dengan upacara yang melibatkan agama Katolik. Didapati bahawa aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan lebih dominan dalam keseluruhan kitaran ini.

Jadual 2. Amalan budaya dan agama dalam kitaran pertanian huma

Tahap kitaran huma	Budaya Ketungau Sesat	Agama Katolik
<i>Mangol</i>	-√	+√
<i>Nugal</i>	-√	+√
<i>Ngudaeh umo/Sembayang umo</i>	-√	+√
<i>Meribu umo</i>	+√	
<i>Matah</i>	+√	
<i>Nyemaru</i>		+√
<i>Gawai</i>	+√	-√

Walaupun masyarakat Ketungau Sesat telah memeluk agama Katolik lebih kurang 70 tahun, ritual-ritual tradisi masih diamalkan oleh mereka. Selain melaksanakan ritual *bedarok*, elemen agama Katolik diterapkan hampir di setiap kegiatan dalam kitaran pertanian huma, kecuali ritual *meribu umo dan matah*¹¹ Gejala ini wujud kerana gereja Katolik mengambil inisiatif menyesuaikan kepercayaan keagamaan dengan terhadap budaya tempatan. Dalam kajian ini, merangkumi usaha menyusun doa atau sembahyang khas untuk pertanian yang bermula daripada doa membuka huma baru, doa benih, sembahyang huma dan sebagainya. Agama Katolik juga didapati telah mengambil alih peranan dalam ritual pertanian dengan adanya doa yang mengikut agama Katolik semasa proses *nugal, ngudaeh umo, nyemaru* dan pemasangan salib di huma.

Fenomena ini merupakan suatu proses akulturasi walaupun belum berlaku sepenuhnya. Oleh kerana agama Katolik telah mendominasi budaya tradisi dalam kehidupan masyarakat Ketungau Sesat, dijangka bahawa ritual-ritual tradisional dalam kitaran pertanian akan beransur-ansur lenyap, tambahan lagi generasi muda di kampung sudah kurang berminat untuk mengamalkan ritual tradisi ini lagi. Secara rumusan, hubungan budaya Ketungau Sesat dengan agama Katolik adalah seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3. Hubungan budaya Ketungau Sesat dan agama Katolik

Kesimpulan

Secara kesimpulan, kajian ini telah menghuraikan akulturasi pertemuan agama Katolik dan budaya tradisional di kalangan Ketungau Sesat di Kampung Belandung, Sekadau. Akulturasi agama dan budaya Ketungau Sesat di kampung ini telah berlalu dan sedang dalam proses pengembangan. Dari segi pola, proses akulturasi yang berlaku dalam kalangan mereka merupakan asimilasi yang bersifat dinamis iaitu pengaruh budaya tradisi masih sangat nyata. Namun demikian, inventori yang dibuat terhadap kadar akulturasi (Jadual 2) mendapati bahawa peranan agama Katolik telah banyak mendominasi budaya tradisi tempatan. Hasilnya, suatu budaya baharu hasil integrasi budaya tempatan dengan agama telah terbentuk. Contohnya dalam *Gawai* yang sepatutnya disambut mengikut adat tradisi, kini telah disambut dengan budaya baharu hasil integrasi agama dan budaya. iaitu mereka melakukan doa (amalan ajaran agama Katolik) dan *bedarok* (budaya tradisi) di salib pelindung kampung (amalan keagamaan Katolik). Dalam konteks korpus ilmu pengkajian budaya suku Ketungau Sesat, penyelidikan ini telah menghasilkan kajian yang bernilai khususnya tentang akulturasi agama ke atas budaya tradisi sehingga sesuatu budaya baharu terbentuk. Dicadangkan pengkaji pada akan datang dapat memperluaskan skop ke atas ritual-ritual lain, seperti perkahwinan, kematian dan sebagainya.

Rujukan

- Alloy, S., Albertus, & Chatarina, P. I. (2008). *Mozaik Dayak. Keberagaman subsuku dan bahasa Dayak di Kalimantan Barat*. Institut Dayakologi.
- Amat, J. M. (1990). *Kepercayaan orang Melayu berhubungan dengan pertanian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwood, P. (2007). *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. ANU E Press The Australian National University.
- Berry, J. W. (1980). Acculturation as varieties of adaptation. In Amado, M. P. (Ed). *Acculturation, theory, models, and some new findings* (pp. 9-25). Westview Press for the American.
- Berry, J. W. (2017). Theories and models of acculturation. In Schwartz, S. J., & Unger, J. B. (Eds.), *The Oxford handbook of acculturation and health* (pp. 15-28). Oxford University Press.
- Boom, B. V. D. (1974). "Sejarah gereja Katolik di wilayah Keuskupan Ketapang dan Prefektur Apostolik Sekadau". In Bagian Dokumentasi Penerangan Kantor Waligereja Indonesia (Ed). *Sejarah gereja Katolik Indonesia; Jilid 3: Wilayah-wilayah keuskupan dan Majelis Agung Waligereja Indonesia abad ke-20 Sumatera, Sulawesi-Maluku, Kalimantan, Irian Jaya* (pp. 363-398). Percetakan Arnoldus.
- Chong, S. (2002). Sosiolinguistik golongan minoriti di Sekadau, Kalimantan Barat. *Majalah Dewan Bahasa*, 2(6), 51-57.
- Chong, S. (2007). Masyarakat Tionghoa Kalimantan Barat: Tinjauan pemilihan bahasa di Kota Sekadau. *Linguistik Indonesia*, 25(1), 19-34.
- Chong, S. (2015). Fonologi variasi Kumpang di Sungai Ketungau: Analisis perbandingan. *Issues in Language Studies*, 4(1), 26-37.
- Chong, S. (2018). Penyelidikan sosiolinguistik: Prinsip, teknik dan pengalaman. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 3-9.
- Chong, S. (2021). Iban as a Koine Language in Sarawak. *Wacana*, 22(1), 102-124.
- Collins, J. T. (1992). "Bahasa Pantang Larang di Pulau Tioman: Refleksifikasi Semasa Menuai". *Jurnal Dewan Bahasa*, 36, 916-933.
- Collins, J. T. (2004). Ibanic language in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin*, 35, 17- 47.
- Collins, J. T. (2021). *Keberagaman bahasa dan etnisitas di Kalimantan Barat*. Indonesia Melestarikan Bahasa Ibu.
- Collins, J. T., & Chong, S. (2003). *Sekadau Valley. The SEASREP Atlas: Languages in Western Borneo*. Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Collins, J. T., & Herpanus. (2018). The Sekujam language of West Kalimantan (Indonesia). *Wacana*, 19(2), 425-258.
- Coomans, M. (1986). *Kumpulan Upacara Ibadat: Obor*.
- Derani, P. (2007). Budaya pemali burung orang Benawas dan orang Sekujam. In Chong S., & James, T. C. (Eds.). *Bahasa dan Masyarakat Ibanik di Alam Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Derani, P. (2009). *Cerita lisan dan siklus pertanian padi bukit : Kajian etnolinguistik Dayak Benawas di Sejaong, Kalimantan Barat* [Master's dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Dijker, R. F. (1974). "Sejarah gereja Katolik di wilayah Keuskupan Sintang". In Bagian Dokumentasi Penerangan Kantor Waligereja Indonesia (ed.). *Sejarah gereja Katolik Indonesia; Jilid 3: Wilayah-wilayah keuskupan dan Majelis Agung Waligereja Indonesia*

- abad ke-20 Sumatera, Sulawesi-Maluku, Kalimantan, Irian Jaya* (pp. 349-362). Percetakan Arnoldus.
- Drake, R. A. (2000). The Mualang Gawai in The Belitang Hulu. In Michael, L. (Ed.). *Borneo 2000: Ethnicity, Culture & Society*. (pp. 444-455). Universiti Malaysia Sarawak.
- Dunselman, D. (1955). *Kana Sera of Zang der Zwangerschap*. Martinus Nijhoff.
- Enthoven, J. J. K. (1903). *Bijdragen tot de geographie van Borneo's wester-afdeeling*. E.J. Brill.
- Freeman, D. (1961). Iban Augury. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 117(1), 141–167.
- Freeman, J. D. (1955). *Iban agriculture: a report on the shifting cultivation of hill rice by the Iban of Sarawak*. Her Majesty's Stationery Office.
- Freeman, J. D. (1970). *Report on The Iban*. Humanities Press Inc.
- Hall, D. G. E. (1971). *Sejarah Asia Tenggara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron, D. (1996). *Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu* [Doctoral dissertation, Universiti Malaya].
- Harrison, B. (1986). *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendrikus, M., & Chong S. (2023c). Sastra Lisan Migrasi Suku Mualang di Kampung Sungai Gandal, Kalimantan Barat. *Jurnal Tawak: Hunatech*, 2(2), 46-60.
- Hendrikus, M., Chong S., & James T. C. (2023a). Adat Tolak Bala Pandemi Covid-19 dalam Masyarakat Mualang di Belitang, Kalimantan Barat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 3-12.
- Hendrikus, M., Elin S., Caecilia M. E., & Chong S. (2023b). Meninjau Perladangan Ulir Balik Dan Peralihan Ekonomi Masyarakat Ketungau Sesat di Sekadau, Kalimantan Barat, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(1), 107-118.
- Hermansyah. (2010). *Ilmu Gaib di Kalimantan Barat*. Perpustakaan Populer Gramedia, EFEQ, KITLV, dan STAIN Pontianak.
- Hermansyah. (2015). *Islam dan Melayu di Borneo*. STAIN Pontianak Press.
- Herpanus. (2014). *Bahasa dan etnobotani suku Desa; Tantangan perubahan ekologi*. STAIN Pontianak Press.
- Hill, A.H. (1951). Kelantan padi planting . *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 24(1), 56-76.
- Jasmin, P. (2011). *Agama Orang Mualang Studi Kasus Ritual Gawai* [Doctoral dissertation, Universitas Indonesia].
- Kato, T. (1988). Agricultural Rituals and Rice Cultivation in Negeri Sembilan: A Reconstruction from Oral History. *Southeast Asian Studies*, 26(2), 109-113.
- King, V. T. (1993). *The Peoples of Borneo*. Blackwell.
- Pahwa, M., Cavanagh, A., & Vanstone, M. (2023). Key Informants in Applied Qualitative Health Research. *Sage Journals*, 33(14), 1251-1261.
- Peter, M. K. (1970). Gawai Ngemali Umai or Iban Rite for padi protection. *Sarawak Museum Journal*, 18, 36-37.
- Remmy G., Rosnah M., Hamidah A. W., Wan R. M. O., & Siti M., Kamil. (2017). Kearifan tempatan: Deskripsi dan Terminologi tentang 'Padi' dalam masyarakat Iban di Sarawak. The International Conference on Language Studies 2017 (ICLS 2017), 9th and 10th August, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Sandin, B. (1967). Simpulang or Pulang Gana: The founder of Dayak agriculture. *Sarawak Museum Journal*, 15(30-31), 245-406.
- Sandin, B. (1980). *Iban Adat and Augury*. Universiti Sains Malaysia.

- Sartini, N. W. (2018). Local Wisdom of Balinese Agricultural Rituals. *Proceedings of the International Seminar on Recent Language, Literature, and Local Cultural Studies* (pp. 116-120).
- Sather, C. (1977). Nanchang Padi: Symbolism of Saribas Iban First Rites of Harvest. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 50(2), 150-170.
- Satu Data Sekadau. (2023). *Data Agregat Agama Kabupaten Sekadau berdasarkan Data Konsolidasi Bersih (DKB) Semester 1 Tahun 2023*. Dinas Kependudukan dan Pencatatan Sipil.
- Skeat, W. W. (1900). *Malay Magic: Being an introduction to the Folklore and Popular Region of the Malay Peninsula*. Dover Publication.
- Thomson, L. K. (2000). *The effect of the Dayak worldview, customs, traditions, and customary law (adat-istiadat) on the interpretation of the Gospel in West Kalimantan, Indonesian Borneo* [Doctoral dissertation, Acadia University].
- Tjia, J. (2007). *A grammar of Mualang: An Ibanic language of western Kalimantan, Indonesia* [Doctoral dissertation, Leiden University].
- Venz, O. (2017). Animism in Borneo (and Beyond) A Brief Survey of (Dis-) Continuities and the Ethnolinguistic Challenge. In Arenz, C., Haug, M., Seitz, S., Venz, O. (Eds.) *Continuity under Change in Dayak Societies. Edition Centaurus - Sozioökonomische Prozesse in Asien, Afrika und Lateinamerika*. Springer VS, Wiesbaden.
- Vinson, & Joanne, S. (2001). *The Encyclopaedia of Iban Studies: Iban History, Society, and Culture Vol I*. The Tun Jugah Foundation.
- Vriens, G. (1972). *Sejarah Gereja Katolik Indonesia. Jilid 2. Wilayah Tunggal Prefektur-Vikariat Abad ke-19 dan awal abad ke-20*. Bagian Dokumentasi Penerangan Kantor Waligereja Indonesia.
- Winstedt, R. O. (1929). The Ritual of the Rice- Field. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3(3), 437-447.
- Yusriadi. (2014). *Bahasa dan identiti Melayu di Riam Panjang*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliskandar, R., Nik, H. S. N. A. R., & Ambar, Y. (2011). Proses Akulturasi Budaya India dan Transformasi Ilmu Masyarakat Melayu Kedah Tua. Conference: Prosiding Kolokium Siswazah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Bangi.

¹ Pada mulanya yang dipilih ialah Semitau, namun dialihkan ke Sejiram (Vriens, 1972).

² Inkulturasi merupakan istilah yang sering digunakan oleh gereja Katolik untuk menyatakan proses penyerapan nilai-nilai budaya dalam ajaran Katolik, namun tidak menghilangkan nilai-nilai Katolik.

³ Suku-suku lainnya yang dimaksud ialah suku pendatang seperti orang Jawa, Padang dan Madura.

⁴ Terdapat beberapa variasi penamaan mengikut sebutan, misalnya Ketungau, Ketungau Sesaek dan Ketungau Tesaek. Kata “Sesaek”, “Tesaek” sepadan dengan “Sesat”. Dalam kehidupan seharian, mereka memperkenalkan diri sebagai orang Ketungau atau Ketungau Sesaek. Penambahan kata “Sesaek” bertujuan untuk membezakan mereka dari orang Ketungau yang tinggal di lembah Sungai Ketungau, Kabupaten Sintang. Dalam bidang dialektologi, bahasa Ibanik Ketungau di Sungai Ketungau dan bahasa Ketungau Sesat adalah berbeza, misalnya dari segi inovasi bunyi purba *an, *aj (Collins & Herpanus, 2018; Tjia, 2007; Chong, 2002, 2015, 2021).

⁵ Bedarok atau menarok ialah upacara adat untuk menjamu makhluk ghaib dengan memberikan sesajen dengan melafazkan mantera. Dalam bahasa Iban, upacara ini dikenali sebagai “bedara / miring” (Janang et al., 2011; Hussain et al., 1989).

⁶ Amalan ritual sebelum menanam padi ini juga dilakukan oleh para petani padi sawah di Bali (Sartini, 2018).

⁷ Pihak gereja menyediakan buku kumpulan upacara ibadah, termasuk untuk upacara memberkati benih di huma (Coomans, 1986) tetapi biasanya buku ini tidak digunakan.

⁸ Kuih tradisional masyarakat Ketungau Sesat yang diperbuat daripada tepung pulut yang dibalut dengan daun pisang.

⁹ Berbeza daripada masyarakat Iban di Sarawak yang mengetam padi dengan menggunakan ketam.

¹⁰ Sekarang padi yang disimpan di rumah jarang di simpan di kepuk lagi.

¹¹ Bahkan istilah “*sembahyang umo*” lebih sering digunakan mereka daripada *ngudaeh umo*.